



AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

LAWATAN KELUARGA KLIEN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022

Lawatan khas keluarga atau penjaga klien yang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dibenarkan di seluruh negara bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022.

Kebenaran itu perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam tempoh Fasa Peralihan ke Endemik termasuk hanya pelawat yang lengkap dua dos vaksin dibenarkan bermula 9 hingga 12 Mei 2022.

Setiap keluarga atau penjaga perlu membuat janji temu dengan pihak PUSPEN menerusi panggilan telefon; mesej pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi *WhatsApp*; surat atau e-mel kepada Pegawai Pemulihan terlibat.

Perkara itu diputuskan sebagai usaha dan langkah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk mencegah penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan klien.

Lawatan keluarga bertujuan merapatkan hubungan antara klien dan keluarga, mendapatkan sokongan moral dan emosi serta keluarga boleh melihat sendiri perkembangan kepulihan klien dalam institusi.

Lawatan keluarga itu juga memberi ruang dan peluang kepada keluarga atau penjaga dan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong kepulihan klien dalam institusi.

Orang ramai boleh menghubungi PUSPEN berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program itu dengan menghubungi Hotline AADK di talian 03-8911 2233 atau 019-626 2233 (*WhatsApp*) bagi mendapatkan khidmat nasihat atau aduan berkaitan permasalahan dadah.

-TAMAT-

**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KAJANG, SELANGOR
27 APRIL 2022
Bil 4/ 2022